

09 NOV 1999

KESATUAN KAKITANGAN KERAJAAN IKRAR SOKONG

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kesatuan Pembantu Am Rendah yang mewakili kakitangan perkhidmatan berkenaan di seluruh negara hari ini menyatakan ikrar sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan.

Ikrar itu disampaikan oleh rombongan 40 anggota jawatankuasa kerja kesatuan itu selepas membuat kunjungan kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar di pejabatnya di sini.

Jurucakap pejabat timbalan menteri itu berkata ikrar sokongan itu sebagai tanda memberi komitmen tinggi golongan pekerja kategori Pembantu Am Rendah untuk sama-sama menjayakan usaha pembangunan negara.

Pada pertemuan setengah jam itu, Dr Affifuddin memberi penjelasan mengenai hal ehwal semasa negara termasuk keadaan ekonomi yang terus pulih kepada rombongan itu.

-- BERNAMA

GM NMO